

## **Minggu Penyusuan Ibu Sedunia : “Penyusuan Ibu Satu Pengalaman 3 Dimensi”**

Penyusuan ibu diraikan setiap tahun di seluruh dunia dalam program yang dipanggil ‘**Minggu Penyusuan Ibu Sedunia**’ dan didatangkan pelbagai tema yang bersesuaian dengan keadaan semasa.

Tahun ini sebuah tema yang istimewa telah dicadangkan iaitu ‘ **Penyusuan Ibu Satu Pengalaman 3 Dimensi** ’.

Tema tahun ini cuba mendalami erti kata sokongan dalam penyusuan ibu. Selama ini , kebanyakannya gerakan sokongan terhadap penyusuan ibu hanya berlandaskan dimensi ‘**masa**’ dan ‘**tempat**’.

‘**Masa**’ merujuk kepada saat kelahiran, beberapa hari selepas kelahiran, beberapa bulan pertama selepas kelahiran, dan seterusnya menurut dimensi seorang anak yang baru dilahirkan dan ibu yang melahirkan anak tersebut. ‘**Tempat**’ pula merujuk kepada di mana sesuatu peristiwa itu berlaku, barangkali, di hospital, klinik kesihatan, rumah, komuniti atau di tempat kerja. Setiap satu dimensi ini menjadi landasan terhadap jenis dan bentuk sokongan yang diberikan kepada pasangan yang mahu menjayakan penyusuan – ibu dan bayi.

Tahun ini, aktivis di dalam bidang penyusuan ibu bersepakat bahawa dimensi ketiga – iaitu ‘**komunikasi**’ adalah sama penting untuk diketengahkan sebagai salah satu landasan sokongan terhadap penyusuan ibu.

Komunikasi diperlukan dalam setiap satu dimensi sokongan yang dinyatakan sebelum ini. Setiap seorang daripada kita mempunyai tanggungjawab masing-masing dalam menyuarakan ‘mengapa penyusuan ibu itu penting’ mengikut dimensi masa dan tempat. Suara anda semua harus didengari agar maklumat yang bermanfaat mengenai penyusuan ibu ini bukan sekadar berguna untuk diri sendiri sahaja, malah berguna untuk seisi keluarga, masyarakat dan generasi akan datang.

Aspek komunikasi ini sangat bersesuaian diketengahkan pada zaman milinium ini dimana pelbagai kemudahan untuk menyampaikan maklumat ada dihujung jari. Teknologi maklumat yang ada disekeliling kita wajar dimanfaatkan bagi mempermudahkan aktiviti berkomunikasi.

Antara cadangan untuk menyemarakkan pengalaman 3 dimensi dalam sokongan penyusuan ibu adalah:

1. Berhubunglah dengan kumpulan sokongan penyusuan ibu yang lain yang ada di sekeliling anda – cara paling mudah, ramai yang akan memilih kemudahan seperti email, facebook, blog, twitter dan banyak lagi perantara lain untuk berkomunikasi.
2. Berhubunglah dengan komunikatur tempatan seperti guru, wartawan, pelajar atau pengajur aktiviti dalam komuniti. Melalui rangkaian ini pelbagai maklumat kesedaran dapat disalurkan.
3. Berhubunglah dengan pusat kesihatan tempatan dan bantu mereka menyampaikan maklumat dan sokongan kepada ibu mengandung dan yang

sedang menyusukan. Latihan dan bengkel yang bersesuaian dengan komuniti tersebut boleh diadakan.

4. Hubungi majikan, majlis perbandaran atau kerajaan pusat. Minta pihak ini untuk menganjurkan program Minggu Penyusuan Ibu Sedunia di tempat masing-masing sebagai tanda sokongan.
5. Anjurkan program di mana hadirinya dapat berkongsi pengalaman secara kreatif. Aktiviti seperti pertunjukan seni, sesi dialog, festival filem , forum dalam talian boleh diadakan di mana suara setiap individu dapat didengari secara kreatif.
6. Galakkan pendidikan penyusuan ibu dari dibangku sekolah dan menara gading lagi. Hubungkan isu penyusuan dengan pelbagai isu semasa yang sedang timbul agar penyusuan ibu dapat dilihat dari kacamata berbeza dan mendapat sambutan yang lebih wajar dari generasi muda ini.
7. Paling mudah, bercakaplah dengan orang disekeliling anda tentang penyusuan ibu. Jika malu bercakap bersemuka, Blackberry Messenger boleh menjadi antaramuka. Jika penat bercakap tentang kebaikan penyusuan, bercakaplah tentang risiko jika tidak menyusukan kerana penyusuan ibu adalah sesuatu yang tabii dan semulajadi, manakala jika tidak melakukannya itulah yang membawa bahaya dan padahnya.

20 tahun yang lalu, sekumpulan profesional kesihatan dan pemimpin dunia berkumpul dan mencapai kata sepakat. Kesepakatan yang dipanggil Deklarasi Innocenti menyatakan mereka menyokong, mempromosi dan melindungi penyusuan ibu. Sejak daripada hari itu, Minggu Penyusuan Ibu Sedunia diwujudkan setiap tahun bagi meraikannya.

Pada hari ini , melalui 3 Dimensi ini, mesej yang sama harus diketengahkan. Antara mesej penting yang harus dibawa adalah:

1. Penyusuan ibu adalah pakej kesihatan dan pemakanan yang lengkap untuk setiap bayi.
2. Amalan penyusuan ibu terbukti satu amalan yang berdaya tahan sehingga ke hari ini demi kesinambungan generasi akan datang.
3. Penyusuan ibu adalah untuk semua pasangan ibu dan anak kerana ianya adalah amalan tabii dan bukannya luar biasa.

Malang sekali bagi masyarakat hari ini, sebeginu banyak penemuan saintifik yang didatangkan mengenai rahsia kebaikan susu ibu dan proses penyusuan itu sendiri, di dapati amalan penyusuan ibu semakin merosot dari masa ke semasa. Barangkali, manusia hari ini lebih mudah terpedaya dengan ‘dakyah-dakyah’ palsu yang di bawa oleh syarikat susu buatan dan makanan terproses, lantas menenggelamkan minat generasi sekarang untuk meneruskan amalam turun temurun nenek moyang kita, iaitu penyusuan ibu.

Justeru itu, setiap seorang daripada kita perlu menggunakan apa sahaja saluran komunikasi yang boleh digarap dan sampaikanlah mesej-mesej penting mengenai penyusuan ibu dengan cara paling berhikmah. Perkasakanlah diri anda kerana suara anda amat penting untuk didengari agar penyusuan ibu akan terus disokong, dipromosi dan dilindungi.